

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengurusan logistik di batalion infantri yang mana ianya ditumpukan kepada komponen-komponen dalam aspek pengurusan logistik tersebut yang terdiri daripada pengurusan permohonan, memenuhi skala/pesanan, pengurusan inventori, pengurusan pelupusan dan pengurusan dokumentasi. Kaedah korelasi Pearson dan analisa regresi digunakan untuk memeriksa setiap hubungan dan pengaruh komponen-komponen tersebut ke atas keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, anggota bersetuju menyatakan bahawa komponen-komponen ini mempunyai hubungan yang positif dan mempengaruhi keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Di samping itu, keberkesanan pengurusan logistik ini tidak memberi apa-apa perbezaan kepada anggota bujang atau pun kahwin.

PENGHARGAAN

Saya dengan ini memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Pengurusan, Universiti Malaya.

Di kesempatan ini juga saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr Shamshul Bahri bin Zakaria dari Universiti Malaya kerana telah membimbing saya dalam menyiapkan kertas kajian ini. Juga terhadap individu dan organisasi yang telah memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung terutama pihak pengurusan dan warga Batalion 8 RAMD yang telah memberikan kerjasama sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Di samping itu ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada isteri dan anak-anak saya yang memahami serta memberi dorongan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi ketika saya menghasilkan kertas kajian ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya serta semua Juruarah INSPEKA, pensyarah-pensyarah dari UM dan ATM yang secara langsung atau tidak langsung memberi semangat bagi saya menyediakan kertas kajian ini.

Segala jasa dan bantuan sekelian tidak akan saya lupakan dan semoga Allah memberkati semua bantuan yang telah diberikan. Insya-Allah.